

## BAB 4

### Dapatan Kajian

Selepas menyatakan kaedah penyelidikan, bab ini pula akan menyentuh dapatan kajian berdasarkan pencerapan yang telah dibuat dan soalan-soalan temubual bersama-sama dengan subjek kajian.

#### Pemerhatian dan temu bual pertama

“Hari ini kita akan membuat latihan bacaan dan kefahaman.

Buka buku teks muka surat 47”.

Itulah ungkapan yang dilahirkan oleh guru semasa memulakan pengajaran pada hari tersebut iaitu Selasa, 13 Januari 1998. Guru memulakan pengajaran bacaan dan pemahaman dengan menyuruh pelajar membaca senyap petikan yang bertajuk ‘Budaya kerja: antara konsep dengan amalan’ yang merupakan teks jenis ekspositori. Petikan sepanjang 410 patah kata ini terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima (Lampiran 1).

Dalam pemerhatian kali pertama ini, penyelidik dapat di peringkat awal pembacaan, subjek kajian membaca petikan yang dinyatakan guru. Beberapa minit kemudian barulah subjek kajian kelihatan bertanyakan sesuatu kepada rakan yang duduk di

sebelahnya. Rakannya pula dilihat berkata-kata sesuatu sebagai membalsas pertanyaan subjek kajian. Kemudian subjek kajian mencatatkan sesuatu pada sehelai kertas. Selepas itu subjek kajian meneruskan pembacaan. Perlakuan subjek kajian bertanyakan sesuatu kepada rakannya ini telah dicatatkan leh penyelidik dilakukan sebanyak dua kali di peringkat awal pembacaan dan sekali di peringkat pertengahan pembacaan.

Menurut subjek kajian yang ditemubual selepas tamat pelajaran Bahasa Melayu tersebut, semasa membaca petikan itu terdapat perkataan yang tidak jelas maksudnya lalu beliau mengambil keputusan untuk bertanya rakan. Rakannya menyatakan maksud perkataan tersebut mengikut pendapatnya dan diterima oleh subjek kajian lalu mencatatkan maksud kata tersebut pada kertas. Menurut subjek kajian lagi, beliau membuat catatan supaya tidak terlupa dan boleh menjawab jika disoal guru nanti. Walaupun subjek kajian tidak pasti dengan maksud kata yang dicatat itu tetapi beliau akan menyemak semasa guru memberi penerangan nanti. Menurutnya lagi itulah cara yang dilakukan oleh subjek kajian untuk mengetahui sesuatu perkara yang kurang difahaminya semasa aktiviti membaca.

Melalui pemerhatian terhadap subjek kajian ini, penyelidik dapat membuat rumusan bahawa subjek kajian telah menggunakan strategi tertentu untuk menyelesaikan masalahnya mencari makna kata. Walaupun cara yang dilakukannya itu tidak semestinya memberikan jawapan yang betul tetapi strategi mengemukakan soalan kepada rakan itu dapat membantunya menyelesaikan masalah untuk sementara. Dengan mengemukakan soalan ini juga, subjek kajian mendapat satu jawapan kepada persoalannya. Jawapan daripada rakannya ini sedikit sebanyak boleh membantunya untuk memahami makna kata tersebut sebelum meneruskan bacaan. Beliau juga membuat catatan untuk disemak semasa

perbincangan diadakan bersama-sama dengan guru nanti. Ini juga merupakan satu strategi yang dikenali sebagai cara menguji hipotesis. Subjek kajian telah mempunyai gambaran tentang makna kata tersebut dan bila guru membincangkan mengenai makna kata tersebut, beliau hanya perlu menyemak untuk menguji sama ada ia sama dengan apa yang difahaminya sebelumnya perbincangan itu. Dengan cara menguji hipotesis yang telah dibuat ini, beliau tidak menerima sesuatu jawapan itu tanpa menyemaknya terlebih dahulu.

Dalam pemerhatian kali pertama ini juga, penyelidik dapati sambil membaca subjek kajian menggarisi ayat-ayat yang terdapat dalam petikan dengan menggunakan pensil. Fenomenan ini jelas dilihat sepanjang masa beliau membaca dan penyelidik mencatatkan perlakuan yang sama ini dilakukan sebanyak lima kali oleh subjek kajian dari awal hingga tamat membaca petikan itu.

Dalam temubual dengan subjek kajian, penyelidik telah bertanyakan hal ini untuk kepastian. Subjek kajian menyatakan beliau menggarisi ayat-ayat dalam petikan yang pada pendapatnya merupakan isi-isi penting. Menurutnya, dengan membuat garisan-garisan ini, dapat membezakan ayat-ayat yang penting daripada huraian dan contoh yang diberi oleh penulis dalam setiap perenggan. Beliau berpendapat isi-isi penting terdapat dalam baris pertama atau baris kedua dalam perenggan. Ini telah tersemat dalam fikiran subjek kajian kerana menurutnya guru sering mengatakan demikian. Menurut subjek kajian juga, isi-isi penting yang digarisi ini boleh membantunya menjawab soalan-soalan pemahaman dan hanya perlu diolah dengan menggunakan perkataan sendiri sahaja.

Jelaslah dengan tindakan yang diambil oleh subjek kajian menggarisi ayat-ayat dalam petikan ini menunjukkan beliau telah menggunakan strategi tertentu pemahaman

pembacaan untuk membantunya memahami petikan yang dibaca. Ini memandangkan kepada kebolehan beliau membezakan di antara isi penting dengan huraian serta contoh yang diberi oleh penulis dalam setiap perenggan. Menggarisi ayat-ayat ini merupakan satu strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang mendorong pembaca untuk menjadi pembaca yang berkesan. Dengan cara menggarisi ayat ini juga menunjukkan subjek kajian telah berjaya 'highlight' atau menonjolkan perkara-perkara penting semasa membaca. Strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang dilakukan oleh subjek kajian ini boleh membantunya menjawab soalan-soalan dengan lebih cepat dan tepat dan sangat berguna diamalkan sewaktu peperiksaan untuk mengelakkan daripada tidak cukup masa atau jawapan yang meleret-leret..

Dalam pemerhatian kali pertama ini juga penyelidik dapat semasa membaca petikan, subjek kajian akan berhenti sebentar untuk mencatatkan sesuatu, selepas itu subjek kajian akan meneruskan bacaan. Perlakuan begini dilakukan beberapa kali sepanjang masa beliau membaca petikan tersebut dan penyelidik telah mencatatkan perlakuan yang sama ini dilakukan oleh subjek kajian sebanyak empat kali dari awal pembacaan sehingga selesai beliau membaca petikan tersebut.

Dalam temubual dengan subjek kajian, beliau menyatakan semasa membaca beliau berhenti sebentar untuk mencatatkan frasa-frasa yang tidak difahami maksudnya atau yang baru diketahui semasa membaca petikan tersebut seperti budaya kerja, Dasar Pandang ke Timur, gagasan dan beberapa perkataan lagi . Menurut subjek kajian lagi dengan cara ini beliau dapat menambah pengetahuan tentang perkara-perkara baru dan catatan tersebut akan mengelakkannya daripada lupa apabila menjawab soalan pemahaman. Selain itu

dengan cara mencatat maklumat penting begini memudahkannya untuk bertanya kepada guru jika frasa atau ungkapan di dalam petikan itu tidak jelas maksudnya.

Tindakan subjek kajian berhenti sebentar semasa membaca untuk menulis catatan maklumat penting adalah merupakan satu strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang berkesan terutamanya jika perkara yang dicatatkan tersebut merupakan satu persoalan yang timbul dalam fikiran subjek kajian dan perlukan penjelasan daripada guru. Apabila subjek kajian mengemukakan pertanyaan kepada guru berkaitan dengan perkara yang menimbulkan kemusykilan itu, dan guru menjelaskan dengan baik, maka itu membuatkan subjek kajian mendapat kepastian kepada persoalan yang dialaminya sebelum ini. Dengan cara ini juga subjek kajian boleh menyemak semula perkara-perkara yang kurang difahami melalui jawapan yang diberi oleh rakan-rakan atau guru semasa perbincangan diadakan. Strategi menyemak semula ini dikenali sebagai menguji hipotesis iaitu membandingkan jawapan sendiri yang telah dibuat di peringkat awal pembacaan dengan penjelasan guru atau melalui jawapan rakan-rakan semasa sesi perbincangan.

Kesimpulan yang boleh dibuat oleh penyelidik setelah meneliti petikan, membuat pemerhatian (Lampiran 2) dan menemubual subjek kajian (Lampiran 3) mengenai penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan ialah subjek kajian telah menggunakan beberapa strategi metakognisi secara tidak disedarinya sepanjang aktiviti bacaan dan pemahaman diadakan di dalam bilik darjah. Beliau tidak menyedari bahawa sebenarnya beliau telah mengaplikasikan beberapa strategi metakognisi pemahaman pembacaan kerana pengetahuan tentang penggunaan strategi ini tidak diajar secara eksplisit oleh guru. Jika penjelasan tentang penggunaan strategi-strategi ini beri oleh guru, sudah

pasti pelajar akan mengetahuinya dan menggunakannya untuk mencapai pemahaman yang lebih berkesan.

#### **Pemerhatian dan temu bual kedua**

Dalam pemerhatian kedua yang dijalankan pada minggu yang berikutnya, sekali lagi penyelidik mencerap perlakuan subjek kajian. Petikan yang digunakan oleh guru pada kali ini masih dirujuk daripada buku teks bertajuk 'Industri kraf akan terus bergerak maju'. Petikan ini terdiri daripada 430 patah kata (Lampiran 4).

Dalam pemerhatian kali ini, penyelidik dapat subjek kajian telah menggunakan caranya yang tersendiri untuk cuba memahamkan petikan yang dibaca. Apabila guru menyuruh pelajar membaca senyap, subjek kajian kelihatan tunduk membaca dengan tekun. Sambil membaca, subjek kajian menggarisi sesuatu ayat atau frasa dalam petikan. Mengikut catatan penyelidik, perlakuan ini dilakukan oleh subjek kajian sebanyak tiga kali dari awal bacaan hingga selesai beliau membaca petikan tersebut.

Selain itu penyelidik juga melihat ada kalanya subjek kajian bertanyakan sesuatu kepada rakan yang duduk di sebelahnya. Setelah mendengar sesuatu yang dinyatakan oleh rakannya, subjek kajian kelihatan menulis sesuatu pada sehelai kertas. Kemudian subjek kajian meneruskan bacaan. Perlakuan subjek kajian ini diulangnya sebanyak tiga kali sepanjang beliau membaca petikan tersebut. Setiap kali selepas berkata sesuatu kepada rakannya, penyelidik dapat subjek kajian akan mencatatkan sesuatu pada kertas.

Dalam pemerhatian kali kedua ini juga subjek kajian kelihatan tidak begitu 'sibuk' mencatatkan sesuatu pada kertas jika dibandingkan dengan pemerhatian penyelidik kali

pertama dahulu. Semasa guru bertanyakan maksud perkataan sukar yang terdapat dalam petikan, subjek telah bertanyakan makna kata ‘estetik’. Beberapa orang pelajar lain cuba menjawab dan akhirnya guru memberikan jawapan yang paling tepat. Kemudian kelihatan subjek kajian menulis sesuatu pada kertas.

Selepas tamat kelas Bahasa Melayu pada hari tersebut, penyelidik telah menemubual subjek kajian untuk mendapatkan kepastian mengenai perlakuannya dalam kelas yang dilihat oleh penyelidik. Dalam temubual ini, subjek kajian menyatakan beliau telah menggarisi ayat yang merupakan isi penting untuk disemak semasa guru membuat perbincangan. Selain itu subjek kajian juga mencatatkan perkataan yang sukar difahami atau kata yang kurang jelas maknanya kepada subjek kajian seperti estetik. Beliau telah mengemukakan pertanyaan tentang makna kata ‘estetik’ ini kepada rakan di sebelahnya terlebih dahulu lalu mencatatkan jawapan yang diberi oleh rakannya pada kertas tetapi beliau berasa kurang yakin dengan jawapan tersebut lalu bertanya pula kepada guru. Subjek kajian mengatakan bahawa beliau inginkan kepastian tentang maksud sebenar kata estetik tersebut mengikut konteks dan berpuas hati dengan penerangan guru lalu membetulkan catatan yang dibuatnya. Subjek kajian mengatakan beliau akan mengemukakan soalan kepada guru jika terdapat kemusykilan untuk memahami sesuatu perkara kerana beliau yakin dengan cara mengemukakan soalan beliau dapat memahami petikan yang dibaca dengan lebih jelas.

Penyelidik ingin mengetahui apa yang digaris oleh subjek kajian semasa membaca petikan. Subjek kajian menyatakan beliau menggunakan cara menggarisi ayat-ayat dalam petikan yang difikirnya merupakan isi-isi penting dan merupakan jawapan kepada

soalan-soalan pemahaman. Sambil membaca beliau menggarisi ayat kerana itulah cara yang selalu digunakannya. Subjek kajian juga menyatakan petikan yang dibaca kali ini adalah mudah difahaminya.

Dalam pemerhatian dan temubual kali kedua ini, penyelidik dapat tidak begitu banyak strategi yang digunakan oleh subjek kajian yang dapat dicatat. Walau bagaimanapun strategi-strategi yang telah digunakan oleh subjek kajian ini secara tidak disedari olehnya boleh membantunya memahami petikan yang dibaca. Namun apabila ditanya mengapa cara yang sama sahaja digunakannya setiap kali aktiviti bacaan dan kefahaman dijalankan, subjek kajian menyatakan itulah cara yang biasa digunakannya dan beliau percaya bahawa cara tersebut adalah berkesan dan dapat membantunya memahami petikan yang dibaca kerana beliau tidak tahu menggunakan cara yang lain daripada yang telah digunakannya itu.

Hasil daripada pemerhatian dan temubual serta penelitian pada petikan, penyelidik dapat subjek kajian telah menggunakan beberapa strategi metakognisi yang dikenali sebagai pengujian hipotesis untuk menyemak makna kata yang tidak difahaminya. Beliau telah mengambil dua langkah untuk memastikan makna kata yang menimbulkan kemusykilan kepadanya ini betul dengan bertanya kepada rakan dan juga bertanya kepada guru. Beliau mencatatkan kedua-dua jawapan tetapi setelah pasti dengan jawapan guru, barulah subjek kajian berasa pasti dan yakin dengan jawapan tersebut. Di samping itu subjek kajian juga memilih untuk mengemukakan soalan tentang sesuatu yang tidak difahaminya ketika membaca kepada rakan kerana penggunaan strategi ini membuatkan beliau rasa yakin sekiranya pendapatnya sama dengan pendapat rakan tersebut. Kerap kali juga semasa

memulakan bacaan, subjek kajian akan memastikan dirinya mempunyai pendapat yang sama dengan rakannya. Ada kalanya beliau bertaya pandangan rakannya terlebih dahulu sebelum beliau sendiri menentukan jawapan kepada masalah yang tidak difahaminya. Menurut subjek kajian lagi, sesuatu yang sukar difahami perlu dicatatkan supaya tumpuan yang lebih dapat diberikan pada bahagian tersebut apabila guru memberi penerangan nanti. Beliau juga inginkan kepastian jawapan daripada guru sebelum dapat menerima sesuatu maklumat itu. Cara pengujian hipotesis ini merupakan strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang telah digunakan oleh subjek kajian tanpa disedarinya kerana guru tidak pernah mengajarkan tentang strategi ini di dalam kelas.

Selain itu cara subjek kajian menggarisi dalam petikan yang dianggap sebagai isi-isi penting juga merupakan satu strategi metakognisi pemahaman pembacaan. Ayat-ayat yang digaris akan membimbing subjek kajian kepada mencari jawapan bagi soalan-soalan pemahaman. Guru pula menerangkan dengan jelas dan dapat menarik minat subjek kajian terhadap petikan yang dibaca. Pandangan positif yang diberi oleh subjek kajian ini menunjukkan beliau pasti cara yang digunakannya itu dapat membantunya memahami sesuatu petikan yang dibaca sama ada petikan tersebut sukar ataupun mudah di samping dapat memastikan beliau faham isi-isi yang terdapat dalam petikan tersebut.

Setiap kali penyelidik membuat pemerhatian semasa aktiviti pembacaan dan pemahaman diadakan di dalam kelas, guru menggunakan kaedah mengajar yang sama iaitu dimulakan dengan membaca senyap, kemudian beberapa orang pelajar akan disuruh membaca kuat dengan intonasi yang betul, diikuti oleh perbincangan mengenai perkataan-perkataan sukar yang terdapat di dalam teks, dan seterusnya menjawab soalan-soalan

pemahaman. Kaedah mengajar bacaan dan kefahaman yang begini pada pendapat penyelidik sedikit sebanyak mempengaruhi cara pemilihan strategi pemahaman pembacaan oleh subjek kajian. Ini memandangkan setiap kali guru menyuruh pelajar membaca senyap, subjek kajian akan menggunakan strategi pemahaman pembacaan yang sama iaitu mencatatkan perkara-erkara yang menimbulkan masalah kepadanya untuk memahami petikan yang dibaca seperti makna kata serta maksud frasa-frasa dan ayat-ayat yang dianggap sukar oleh subjek kajian. Subjek kajian kemudian akan mendapatkan jawapan yang betul bagi kesusyilan yang dihadapinya ini apabila guru memberi penerangan secara keseluruhan tentang petikan tersebut. Strategi yang digunakan oleh pelajar setiap kali aktiviti bacaan ini dikenali sebagai cara menguji hipotesis. Subjek kajian tidak yakin dengan pendapatnya sendiri dan perlu pengesahan daripada guru atau rakan sebelum menerima sebagai satu jawapan.

Setelah dua kali pemerhatian dan juga temubual dilakukan oleh penyelidik, subjek kajian memberikan penjelasan yang sama mengenai strategi yang digunakan. Oleh itu penyelidik berpendapat subjek kajian sudah biasa menggunakan strategi membaca itu dan sudah selesa menggunakan cara-cara yang sama setiap kali membaca petikan. Walau bagaimanapun penyelidik tetap membuat pemerhatian yang seterusnya untuk mengenalpasti penggunaan strategi lain oleh subjek kajian.

### Pemerhatian dan temu bual ketiga

Pemerhatian dibuat lagi bagi kali yang ke tiga. Kaedah pengajaran guru bagi aktiviti bacaan dan kefahaman masih juga sama seperti dalam pelajaran yang lepas. Penyelidik

hanya memberi tumpuan kepada perlakuan subjek kajian apabila disuruh membaca oleh guru Bahasa Melayu. Petikan yang diminta baca oleh guru bertajuk 'Pil vitamin dan zat galian dalam amalan pemakanan'. Petikan ini sepanjang 390 patah kata (Lampiran 5).

Dalam pemerhatian penyelidik, subjek kajian kerap menggarisi ayat-ayat semasa membaca petikan yang berkaitan dengan makan dan pemakanan ini. Setelah menggarisi ayat-ayat, subjek kajian kelihatan menulis sesuatu pada kertas. Perlakuan ini dilakukan oleh subjek kajian sebanyak lima kali dari mula beliau membaca petikan sehingga tamat membaca. Dalam pemerhatian kali ini juga penyelidik dapati subjek kajian lambat menamatkan bacaan walaupun petikan itu hanya sepanjang 390 patah kata sahaja. Subjek kajian kelihatan membaca dengan teliti sekali dan hanya berhenti membaca apabila guru meminta seorang pelajar membaca kuat. Semasa seorang pelajar membaca kuat, subjek kajian memberikan tumpuan terhadap bahan yang dibaca dan beliau juga menulis sesuatu pada kertas. Kemudian guru mengadakan sesi perbincangan bersama-sama dengan pelajar. Subjek kajian tidak ketinggalan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan ini. Guru dan pelajar berbincang dan subjek kajian memainkan peranan yang aktif dalam perbincangan ini.

Seperti temu bual yang dibuat sebelum ini, penyelidik juga bertanyakan tentang perlakuan subjek kajian yang diperhatikan semasa membaca petikan itu. Penyelidik ingin mengetahui apa yang digarisi oleh subjek kajian sehingga lima kali. Subjek kajian menyatakan beliau menggarisi ayat-ayat yang pada pendapatnya merupakan isi-isi penting. Menurutnya cara ini merupakan cara yang sudah menjadi kelaziman dilakukan oleh subjek kajian untuk mengesan isi-isi penting. Subjek kajian juga memberitahu penyelidik bahawa

petikan ini dibaca dengan teliti untuk memastikan beliau benar-benar faham maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu beliau mengambil masa yang lebih lama untuk menghabiskan bacaan. Menurut subjek kajian lagi, beliau terpaksa membaca beberapa bahagian dalam petikan secara berulang-ulang untuk membuat tumpuan fikiran kepada mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Walau bagaimanapun terdapat beberapa bahagian petikan yang masih kabur maksudnya, lalu beliau mengambil keputusan untuk bertanya pada guru untuk mendapatkan penjelasan. Menurut subjek kajian lagi petikan ini lebih sukar untuk difahami daripada petikan yang dibacanya sebelum ini.

Berdasarkan tiga kali pemerhatian dan temubual yang dibuat bersama-sama dengan subjek kajian, dapat dikatakan bahawa beliau telah menggunakan beberapa strategi metakognisi pemahaman pembacaan tetapi tidak mengetahui atau tidak menyedarinya kerana tidak diajar secara formal tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini. Keadaan ini jelas dilihat dalam jawapan temubual dengan subjek kajian yang mengatakan cara-cara yang digunakannya itu adalah cara biasa untuk memahamkan isi petikan yang dibaca dan subjek kajian tidak tahu sebenarnya beliau telah menggunakan beberapa strategi metakognisi pemahaman pembacaan. Walaupun telah tiga kali membuat pemerhatian dan temubual, hasil dapatannya masih sama tetapi penyelidik tetap membuat pemerhatian kali yang ke empat .

#### Pemerhatian dan temu bual keempat

Petikan yang diminta baca oleh guru pada kali ini pula bertajuk 'Penyinaran makanan' sepanjang 390 patah kata (Lampiran 6). Terdapat banyak istilah sains dalam

petikan ini seperti nuklear, radioaktif, sinar gama, sinar-x dan banyak lagi perkataan yang berkaitan dengan dunia sains. Subjek kajian kelihatan memberi perhatian sepenuhnya semasa membaca petikan ini dan agak ‘sibuk’ menulis sesuatu pada sehelai kertas. Beliau juga dilihat mengulang-ulang bacaannya seolah-olah sukar memahami ayat-ayat yang tertera di dalam petikan tersebut dan menggunakan pembaris untuk menggarisi ayat-ayat ini. Perlakuan subjek kajian yang sibuk menulis catatan pada sehelai kertas ini menunjukkan beliau telah mengaplikasikan strategi mencatat perkara baru diketahui dengan maklumat sedia ada iaitu salah satu daripada strategi metakognisi pemahaman pembacaan untuk memudahkannya menyemak makna perkataan yang sukar difahami apabila guru membuat perbincangan. Tindakan subjek kajian mengulang-ulang bacaan juga menunjukkan bahawa subjek kajian telah mengaplikasikan salah satu daripada strategi metakognisi pemahaman pembacaan iaitu mengulang bacaan yang bertujuan untuk memantapkan kefahaman pembaca tentang sesuatu maklumat yang terkandung di dalam petikan yang dibaca tersebut.

Penyelidik juga dapati subjek kajian mengemukakan soalan kepada guru tentang perkara-perkara yang tidak difahaminya untuk mendapatkan penjelasan yang terperinci. Perlakuan subjek kajian ini menunjukkan beliau telah menggunakan strategi menyusun semula idea utama setelah mendapat bimbingan daripada guru dan juga cara menguji hipotesis yang telah dibuat.

## **Kesimpulan**

Daripada maklumat yang dikumpulkan melalui pemerhatian dan temu bual yang

dilakukan sebanyak empat kali dan memakan masa lebih daripada sebulan, penyelidik dapati penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan subjek kajian tidak banyak berbeza di antara satu sama lain semasa pemerhatian pertama dan kedua. Walau bagaimanapun penggunaan jenis-jenis strategi metakognisi ini bertambah semasa subjek kajian membaca petikan ketiga dan keempat. Daripada maklumat yang dikumpulkan ini, penyelidik berpendapat subjek kajian tidak menyedari tentang strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang telah digunakannya dan guru pula tidak menyatakan langsung di dalam pengajarannya bagaimana untuk menggunakan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan supaya pelajar faham petikan yang dibaca tersebut. Guru lebih banyak memberikan input supaya pelajar dapat menjawab soalan-soalan pemahaman yang betul mengikut keperluan peperiksaan. Pencapaian dalam peperiksaan adalah menjadi fokus utama guru semasa mengajar terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang diwajibkan mendapat kepujian untuk lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut penjelasan subjek kajian, petikan pertama dan petikan kedua adalah lebih mudah difahami jika dibandingkan dengan petikan ketiga dan keempat. Oleh itu beliau menggunakan cara yang selalu digunakannya iaitu mengemukakan soalan kepada rakannya untuk mendapatkan pengesahan jawapan dan subjek kajian mengulangi perlakuan ini sebanyak enam kali mengikut catatan penyelidik sepanjang pemerhatian pertama dan kedua. Selain itu subjek kajian juga menggunakan cara menggarisi ayat-ayat penting sebagai penanda isi-isi penting. Cara ini dilakukan dengan lebih kerap oleh subjek kajian iaitu sebanyak lapan kali sepanjang dua kali pemerhatian tersebut. Subjek kajian juga

menggunakan strategi membuat catatan perkataan-perkataan sukar difahami sebanyak sepuluh kali. Melalui temubual dengan subjek kajian, penyelidik dapatkan beliau begitu yakin dengan cara-cara atau strategi yang dipilihnya untuk memahami petikan yang dibaca bagi petikan pertama dan kedua kerana petikan-petikan itu mudah baginya.

Menurut penjelasan subjek kajian, petikan ketiga dan keempat didapati lebih sukar untuk difahami kerana terdapat istilah-istilah baru dalam bidang sains dan kesihatan. Oleh itu beliau memilih untuk menggunakan cara yang berlainan daripada cara membaca petikan pertama dan kedua. Mengikut catatan penyelidik, subjek kajian telah menggunakan strategi metakognisi pemahaman pembacan seperti menggarisi ayat-ayat atau frasa, mengemukakan soalan, mengulang bacaan, membuat catatan, menyusun semula idea utama dan cara menguji hipotesis. Jika dibandingkan kekerapan penggunaan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang telah digunakan oleh subjek kajian, beliau telah menggunakan strategi yang lebih banyak semasa membaca petikan ketiga dan keempat daripada semasa membaca petikan pertama dan kedua dahulu. Menurut subjek kajian lagi, beliau telah menggunakan pelbagai cara untuk yang diketahuinya untuk mencapai pemahaman pembacaan yang maksimum dalam semua aktiviti pembacaan dan pemahaman yang dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah.